

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah).	VERSI BAHASA MALAYSIA Bank : Affin Islamic Bank Berhad Produk : Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) AFFIN ("VF-i VR") Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan: _____
1. Apakah produk ini?	
Ini adalah satu kemudahan pembiayaan untuk membantu anda membiayai pembelian kenderaan anda secara ansuran bulanan. Pemilikan kenderaan hanya akan dipindahkan kepada anda setelah kemudahan pembiayaan dijelaskan sepenuhnya.	
2. Apakah konsep syariah yang digunakan?	
<ul style="list-style-type: none">• Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) AFFIN ("VF-i VR") adalah berlandaskan Kontrak Al-Ijarah Thumma Al Bai (AITAB) menurut konsep Syariah.• Terdapat dua kontrak yang terlibat dalam konsep ini. Kontrak pertama adalah kontrak sewaan, dan kontrak kedua ialah kontrak jualan. Kontrak tersebut dilakukan satu demi satu.• Di bawah kontrak Al-Ijarah, penyewa (pelanggan) menyewa barang daripada pemilik (Bank) dengan sewa yang dipersetujui dalam jangka masa yang ditentukan. Dalam tempoh sewaan, penyewa menandatangani kontrak sewaan barang daripada pemilik dengan harga yang dipersetujui. Selama tempoh perjanjian, Bank memiliki kenderaan tersebut.• Setelah sewaan selesai, sebuah kontrak jualan akan dilaksanakan, bagi jualan kenderaan daripada Bank kepada penyewanya.	
3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?	
KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.	
4. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan dalam KAS?	
KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).	
5. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu sejak (3) tahun lepas:	
Sila rujuk AffinAlways.com untuk data sejarah terkini. Pergi ke PERIBADI > Pinjaman dan Pembiayaan > Auto > Pembiayaan Kenderaan-i AFFIN ISLAMIC-i > Maklumat Penting > Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan.	
6. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?	
Ciri-ciri produk ini adalah seperti berikut:	

Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Individu berumur 18 tahun dan ke atas • Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap • Pemilikan Tunggal (Untuk kegunaan peribadi sahaja)
Caj Terma	KAS + _____ %
Amaun Pembiayaan	RM _____
Margin Pembiayaan (% daripada Harga Invois)	
Tempoh Pembiayaan (tahun)	
Kadar Peratusan Tahunan (%)	
Kadar Siling	12.00% setahun

Nota:

- Amaun pembiayaan yang diluluskan dan tempoh kemudahan Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) AFFIN ("VF-i VR") anda adalah tertakluk kepada penilaian kredit anda dan kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- Bagi kemudahan yang disandarkan kepada SBR, Kadar Keuntungan Efektif adalah tertakluk kepada kadar minimum 1.00% setahun atau kadar minimum lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan dua puluh satu (21) hari kalendar pemberitahuan awal kepada Penyewa.

7. Apakah kewajipan saya?

- Anda diminta untuk membayar semua ansuran bulanan menurut jadual yang telah dipersetujui seperti dinyatakan dalam Kontrak sewaan atau mana-mana notis selanjutnya setelah pembayaran dibuat sehinggalah pembiayaan selesai.
- **Penting:** Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza tertakluk kepada perubahan jika KAS.

Tahun	Kadar Semasa%	Kenaikan KAS 1%	Kenaikan KAS 2%
Bayaran Bulanan			
Jumlah Kos Keuntungan			
Jumlah Bayaran Keseluruhan			

PENTING:

Sila rujuk laman web kami di AffinAlways.com > Lain-lain > Kadar dan Harga > Konvensional > Kadar Pinjaman dan Pembiayaan untuk KAS terkini.

- Berdasarkan ilustrasi di atas, jumlah pembayaran (ansuran) bulanan akan dinaikkan/diturunkan dengan kenaikan/penurunan KAS. Anda boleh mengemukakan permintaan kepada pihak Bank untuk mengekalkan pembayaran bulanan dan menukarkan tempoh jumlah ansuran yang sama walaupun terdapat kenaikan pada KAS, dengan syarat bahawa ansuran tersebut cukup untuk menampung keuntungan bulanan. Perbezaan pembayaran bulanan kemudian akan dikumpulkan hingga akhir tempoh pembiayaan.

8. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Yuran / Caj	Butiran Yuran / Caj
Mengeluarkan surat keizinan untuk kehilangan kad pendaftaran/penukaran nombor pendaftaran kenderaan dan/atau nombor enjin	RM50.00
Caj Perkhidmatan penukaran nama (Hak milik dituntut oleh Bank perlu diendoskan)	RM20.00
Caj Penyelesaian sepenuhnya akaun VF-i VR	RM50.00
Caj Pengeposan	RM1.00 untuk mel biasa RM5.00 untuk mel berdaftar
Salinan dokumen-dokumen sekuriti (kereta terpakai/kereta dibaik pulih)	RM10.00
Fi dan caj lain-lain	Fi dan caj di atas adalah sebahagian daripada seluruh fi dan caj. Untuk butiran lanjut, layari AffinAlways.com > Lain-lain > Fi dan Caj

Nota:

- i. Anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya dua puluh satu hari (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau tambahan dalam yuran dan caj bagi kemudahan pembiayaan anda.
- ii. Seperti terma dan syarat lain yang terkandung di dalam perjanjian sewa beli.

9. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Jika anda menghadapi masalah untuk melaksanakan kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran. Kelewatan untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan anda menghadapi perkara berikut:
 - i. Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam kemudahan pembiayaan ini,
 - ii. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Kenderaan anda boleh diambil semula dan dilelong. Anda akan menanggung semua kos yang berkaitan dengan pengambilan semula dan lelongan. Jika masih terdapat tunggakan dalam kemudahan pembiayaan anda selepas penjualan kenderaan, anda bertanggungjawab untuk menjelaskan baki tertunggak
 - iii. Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi anda.

• **Caj Ganti Rugi (Ta'widh)**

- i. Anda akan dikenakan Caj Ganti Rugi dalam senario berikut:

Sebelum tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh;

$$= \text{Ansuran tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

Selepas tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* (jika ada);

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- ii. Ia akan bermula dari tarikh pembayaran pertama kali dimungkirkan pada tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.

- iii. Caj Ganti Rugi pada kadar di atas hendaklah dibayar oleh anda sebelum dan selepas sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- iv. Caj Ganti Rugi tidak akan dikompaun lagi.
- v. Sila rujuk kepada kewajipan anda yang disebut di dalam kontrak sewaan dan jualan.

10. Sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Anda akan dikenakan bayaran untuk penyelesaian awal melainkan anda menjelaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh matang.
- Anda akan diberi rebat ibra' ke atas baki keuntungan belum diperoleh pembiayaan anda seperti yang dinyatakan dalam Akta Sewa Beli 1967. Pengiraan ibra' (rebat) ialah:
- Ibra' (rebat) = *Baki Caj Terma Belum Diperolehi – anggaran kos yang munasabah yang ditentukan oleh pihak Bank (jika ada).

*Baki Caj Terma Belum Diperolehi adalah sama dengan caj terma yang belum direalisasikan pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan Ibra' (rebat) akan dibuat mengikut mana-mana kaedah, peraturan dan/atau arahan BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

Nota:

Kos/ perbelanjaan lain termasuk bayaran pos, caj pemilikan semula, penyimpanan, yuran guaman dan lain-lain (yang terpakai).

11. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin diperlukan

Nota:

Keperluan penjamin tertakluk kepada penilaian kredit yang ditetapkan oleh Bank.

12. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

- Adalah diwajibkan di bawah Akta Sewa Beli 1967 untuk mempunyai perlindungan takaful/insurans yang komprehensif sepanjang tempoh tempoh pembiayaan anda. Anda wajib memaklumkan kepada kami tentang pembaharuan polisi takaful/insurans dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum tamat tempoh.
- Anda digalakkan untuk mengambil polisi takaful/jaminan kami yang melindungi anda daripada kematian yang tidak dijangka atau hilang upaya kekal sepenuhnya kerana ia akan melunaskan pembiayaan tertunggak berdasarkan jadual faedah, yang boleh anda tanyakan lebih lanjut dengan kami.

Nota:

“Selaras dengan peruntukan Akta Sewa Beli 1967 dan resolusi Majlis Penasihat Syariah BNM mengenai pembiayaan AITAB, kenderaan yang disewa anda perlu dilindungi di bawah skim Takaful. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk menginsuranskan kenderaan yang disewa di bawah mana-mana insurans konvensional, anda akan bertanggungjawab untuk membayar premium insurans yang berkaitan dan premium insurans yang dibayar hendaklah menjadi sebahagian daripada deposit yang anda bayar kepada pengedar/penjual kereta mengikut mana-mana yang berkenaan.”

13. Apakah risiko utama?

- Caj terma ke atas kemudahan pembiayaan ini adalah terapung dan ia disandarkan kepada KAS. Peningkatan dalam caj terma boleh menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi atau lanjutan tempoh pembiayaan anda

Nota:

Sekiranya anda mempunyai masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi dan berbincang dengan kami.

14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.
- Menurut polisi/garis panduan Bank dan kontrak sewaan dan jualan, sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda mesti dimaklumkan dan dialamatkan kepada Bank secara bertulis

15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.

<u>Address:</u> AFFIN BANK BERHAD Jabatan Pengurusan Kualiti Aset 401 & 501, Blok C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	<u>No Telefon</u> Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isnin – Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	03 – 8230 2828
---	---	----------------

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi "e-Borang untuk membuat maklum balas/aduan pelanggan" yang boleh didapati di laman web di AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi kami di:

<u>Alamat:</u> Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi Tingkat 9, Menara Affin, Lingkar TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.	<u>No Telefon</u> Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 pg. (Isnin – Ahad)	03-8230 2222
	E-mel	yourvoice@affingroup.com
	Laman Web	https://www.affingroup.com https://www.AffinAlways.com

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

<u>Alamat:</u> Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tingkat 5 and 6, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce), Jalan Raja Laut, City Centre 50350 Kuala Lumpur.	AKPK Infoline	03 – 2616 7766
	No. Faks.	03 – 2616 7601
	Waktu Operasi	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK ATAU BNMLINK di:

<u>Alamat:</u> BNMLINK Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922) 50929 Kuala Lumpur	<u>No. Telefon</u> Waktu Operasi: 9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)	1-300-88-5465
	No. Faks.	03 – 2174 1515
	Borang Web eLINK	https://bnmlink.bnm.gov.my

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan, sila hubungi kami di cawangan yang berhampiran dengan anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03 – 8230 2222 atau layari laman web kami di AffinAlways.com untuk butiran lanjut.

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

NAMA : _____

TANDATANGAN : _____

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **5 JUN 2024**